



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 5 petang, 19 Mac 2025

Untuk Terbitan Media
19 Mac 2025

SIARAN MEDIA

5 RAKAN STRATEGIK SINERGI SOSIAL SANTUNI SEKOLAH ANGKAT PERKESO

KUALA LUMPUR: Edisi kedua Program Mahabbah Ramadan @ Social Synergy terus melakar kemajuan, dengan membabitkan lima rakan strategik yang tampil menyalurkan pelbagai bantuan.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, menyifatkan kesinambungan prestasi program yang pertama kali diadakan pada tahun lalu itu adalah cerminan solidariti rentas agensi, demi memastikan 'tiada yang terpinggir'.

Katanya, kerjasama menerusi Program Sinergi Sosial yang kini meliputi 117 agensi dan 862 pemimpin masyarakat ternyata berupaya meningkatkan keberkesanan penyaluran bantuan untuk mereka yang benar-benar memerlukan.

"Alhamdulillah, hasil perkongsian data murid-murid Sekolah Kebangsaan Desa Pandan (SKDP) Kuala Lumpur, kita berjaya mengesan kes yang hampir tercicir, membabitkan seorang murid yang merupakan tanggungan susulan pemergian bapanya pada Februari lepas.

"Semakan mendapati ada seorang lagi abang kepada murid ini yang juga layak menerima Faedah Pencen Penakat, sehingga masing-masing berusia 21 tahun atau boleh dilanjutkan sehingga tamat pengajian peringkat ijazah pertama.

"Inilah semangat PERKESO Prihatin yang diterapkan pada setiap anggota kerana saya tekankan bahawa kita tidak duduk di belakang kaunter, menunggu waris datang memfailkan permohonan faedah," katanya, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Program Mahabbah Ramadan @ Social Synergy 2025 di SKDP, di sini yang merupakan sekolah angkat pertama Sinergi Sosial PERKESO.

Turut hadir, Pengarah Bahagian Kesejahteraan Rakyat Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM), Mashitah @ Suhailah Suid; Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP), Datuk Abdul Hakim Amir Osman; Ketua Jabatan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia Berhad, Zaharudin Alias dan Pengurusan Kanan Bahagian Pemasaran Yayasan Al-Manjie, Mohd Ezuan Wan Zin.

Pengurus Besar Kanan Habib Group, Zaruddin Mahmud; Guru Besar SKDP, Noriah Ismail;

Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO, Azirruan Arifin; Ketua Bahagian Sinergi PERKESO, Rosmasita Mohamed dan Pengarah PERKESO Kuala Lumpur, Ismail Abi Hashim, turut memeriahkan majlis.

Berbanding tahun lalu, edisi kedua penganjuran Program Mahabbah @ Social Synergy membabitkan penyertaan lima rakan strategik iaitu ICU JPM, PPZ MAIWP, Yayasan Al-Manjie, Yayasan Habib dan Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Antara bantuan yang disalurkan kepada SKDP merangkumi duit raya untuk 1,325 murid-murid, bekalan susu UHT, kotak prihatin, gerobok rezeki dan kuih raya, selain wang tunai untuk tujuan pembangunan infrastruktur, aktiviti Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG) dan kemudahan di sekolah serta keperluan lain.

Mengulas lanjut, Dr. Mohammed Azman berkata seramai 18 orang *Prihatin Champion* ditugaskan untuk menyantuni keluarga murid-murid Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bagi tujuan pelaksanaan analisis kecenderungan dan seterusnya menyampaikan sumbangan Kotak Prihatin PERKESO.

“Analisis kecenderungan ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada keluarga yang diziarahi memerlukan sebarang bentuk sokongan atau bantuan daripada rakan strategik Program Sinergi Sosial,” katanya.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkunun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘no one left behind’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

19 Mac 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Ridauddin Daud (+6019-3265772)

ridauddin.daud@perkeso.gov.my